

# SIARAN MEDIA

## KPKT KOMITED IMBANGI SOSIOEKONOMI DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI SETEMPAT SECARA INKLUSIF

---

**TELUK INTAN, 17 Jun 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Fiesta Teluk Intan - 'Komuniti Bandar Dekat di Hati' sempena Program Kemampanan dan Komuniti Bandar (PKKB) di Dataran Menara Condong, Teluk Intan pada pagi ini.

YB KM juga turut menyampaikan Bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) berjumlah RM276,000 kepada 15 penerima Projek Bantuan Baik Pulih Rumah dan Bantuan Bina Baharu Rumah di Bandar bagi kawasan Teluk Intan dan Bagan Datuk, Perak. Sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan oleh KPKT untuk bantuan baik pulih rumah kepada negeri Perak bagi tahun 2023. Peruntukan ini bakal memberi manfaat kepada 133 penerima bantuan perumahan di Perak dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan keluarga di bandar.

Penerima Bantuan Baik Pulih rumah adalah dalam kalangan B40 yang berdaftar dengan eKasih di mana rumah yang didiami telah rosak disebabkan faktor usia atau bencana tetapi masih ekonomik untuk dibaiki. Manakala Bantuan Bina Baharu adalah bagi rumah yang didiami rosak teruk (tidak ekonomik untuk dibaiki) akibat bencana alam atau kebakaran dan akan dibina semula atas tanah/tapak sedia ada.

YB KM berkata, "Penyaluran peruntukan ini merupakan sebahagian 'sentuhan kasih sayang' KPKT dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti khususnya di sekitar Teluk Intan dan Bagan Datuk. Keseluruhan peruntukan ini merupakan "*performance-based budget*" atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan."

Tambah beliau, "Program Kemampanan dan Komuniti Bandar (PKKB) adalah bertujuan untuk mengimbangi kemajuan sosioekonomi komuniti bandar selaras dengan pembangunan pesat yang sedang dirancang. Justeru, KPKT sentiasa komited menggalas tanggungjawab bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan komuniti bagi menaikkan tahap sosioekonomi komuniti

termasuk meningkatkan taraf hidup terutamanya golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar demi kehidupan yang lebih harmoni, selamat dan sejahtera.”

Bersempena Program Fiesta Teluk Intan, YB KM telah turun padang beramah mesra dengan rakyat Perak terutamanya komuniti setempat Teluk Intan. Pelbagai acara seperti senamrobik, bengkel kraf tangan barangan kitar semula daripada kaca, ceramah kesedaran isu ‘scammer’, pemeriksaan kesihatan, aktiviti derma darah telah diadakan sepanjang fiesta ini. Selain itu, program-program sampingan iaitu sukan komuniti yang melibatkan acara seperti pertandingan bola keranjang 3 on 3, street soccer 3 on 3, ‘plogging’ dan pertandingan melukis serta mewarna yang melibatkan pelbagai kategori umur juga turut diadakan.

YB KM berkata, “Pelaksanaan Program Fiesta Teluk Intan ini adalah berorientasikan komuniti sepenuhnya berteraskan Dasar Komuniti Negara. Justeru, KPKT berharap agar penyertaan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dapat ditingkatkan dalam setiap penganjuran program kerajaan demi manfaat komuniti bandar.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBrs. Tuan Zairul Akmal bin Kasim, Yang Dipertua Teluk Intan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

Kerjasama strategik KPKT melalui Bahagian Kesejahteraan Komuniti (BSK) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terus diperkukuhkan bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi kesejahteraan rakyat.

*#MalaysiaMadani*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertawi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

